

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9315

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tentang tindakan untuk mencegah kegiatan mesin perjudian dan mat rempit :-

- a) apakah halangan-halangan dan kesukaran pihak polis untuk mengambil tindakan terhadap kegiatan ini; dan
- b) adakah penglibatan ahli politik menjejaskan usaha pihak polis dalam usaha mencegah kegiatan ini dan bagaimanakah dengan penglibatan dan kerjasama agensi-agensi lain dan kerajaan tempatan.